

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

BENGKEL PENGELUARAN KE ARAH KELESTARIAN 2014

PADA 12 OGOS 2014, 9:00 PAGI

AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Merangkap Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Yang Dihormati Encik Wong Chee Keet

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Promosi Industri Hijau - LA 21 MPSP

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penceramah dan peserta

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat pagi kepada semua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Y.B Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir untuk merasmikan Bengkel Pengeluaran Ke Arah Kelestarian 2014 pada pagi ini. Tahniah kepada Pasukan Promosi Industri Hijau - LA 21 MPSP yang dipengerusikan oleh En. Wong Chee Keet kerana berjaya menganjurkan bengkel ini. Jawatankuasa Induk MPSP telah menubuhkan Pasukan LA 21 yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis MPSP dan terdiri daripada 6 Pasukan kecil iaitu:

- Pasukan Kerja La 21 MPSP Mesra Alam
- Pasukan Kerja LA21 Kecemerlangan Wanita
- Pasukan Kerja LA 21 Promosi Industri Hijau
- Pasukan Kerja LA 21 E-Waste
- Pasukan Kerja LA 21 Kesayangan Haiwan
- Pasukan Kerja Pangsa PPR Ampangan

Hadirin sekalian,

Perindustrian mempunyai impak yang terhadap sumber semulajadi bermula dari memperolehi bahan mentah sehingga ke proses pengeluaran produk dan kemudian ke proses pembuangan sisa-sisa industri. Sisa perindustrian

dikategorikan sebagai mana-mana sisa yang bukan diklasifikasikan sebagai sisa domestik, sisa kebun atau sisa terjadual. Contoh sisa perindustrian ialah pallet kayu, poly-styren, reja-reja besi, plastik, kotak dan lain-lain. Malangnya kebanyakan aktiviti perkilangan / perindustrian di negara kita masih tidak mengambil kira impak yang mereka hasilkan terhadap alam sekitar kita seperti isu alam sekitar yang terdiri daripada pencemaran, kemerosotan tanah, kehilangan sumber alam dan biodiversiti.

Kilang-kilang yang menyumbang kepada pencemaran udara adalah seperti melalui pengeluaran asap dari kilang, pengangkutan semasa menghantar produk, penjana tenaga, amalan pertanian yang tidak mampan. Manakala pembentungan domestik, efluen kilang, perlepasan air dari aktiviti pertanian mengakibatkan pencemaran kualiti air dalam sungai.

Tuan –tuan dan puan-puan,

Pada tahun ini, MPSP mensasarkan pengurangan penjana sisa pepejal sebanyak 5 % iaitu sebanyak 21,392.46 tan. Ini boleh membantu MPSP untuk mengurangkan *tiping fee* sebanyak RM 432,127.692 yang tidak termasuk kos tenaga, kos pengangkutan, kos minyak yang semakin meningkat, kos 'tare and wear'. Jika kos ini ditambahkan jumlah yang boleh dijimatkan adalah sebanyak RM 1,711,396.80.

MPSP tekad menuju ke arah '*Achieving a Civilized Society through 4R i.e. Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle for Public Interest*'. Tetapi untuk mencapai hasrat ini, kerjasama amat diperlukan daripada semua pihak yang

termasuklah komuniti, sekolah dan juga pihak industri untuk mengurangkan penjanaian sisa dan mengurangkan kos utiliti, kos pengeluaran.

Tuan-tuan dan puan-puan , 46% daripada jumlah sisa pepejal yang dijanakan adalah sisa industri iaitu sebanyak 98,304.32 tan yang bersama dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 1,985,747.64. Sebenarnya dalam sektor perindustrian, banyak jenis sisa yang dijanakan boleh dikitar semula. Kotak-kotak, kad board, plastik dan lain-lain bahan juga boleh dijual kepada agen kitar semula. Selain itu kilang juga boleh menjalankan '*waste recovery*' iaitu seperti mengembalikan sumber yang bernilai dari sisa dan dijadikan bahan mentah yang baru. Selain itu, sisa organik atau yang lebih dikenali sebagai sisa makan di kantin-kantin kilang yang selalunya dibuang ke dalam tong sampah juga boleh dihantar ke pusat pengkomposan untuk dijadikan baja kompos. Terdapat beberapa kilang yang bersama-sama dengan MPSP dalam menjalankan aktiviti LA 21 seperti

- Bengkel membuat BIM dengan Kulit Buah - Buahan di Flextronic Bukit Minyak
- Membuat Bebola Tanah di DELL, Bukit Tengah
- Bengkel Hijau untuk Kilang di Flextronics P3 Kawasan Perindustrian Bukit Minyak
- Program Pemulihan Sg Junjong Mati oleh Flextronics di Taman Perindustrian Bukit Minyak
- Perasmian Sisa Sifar di Guppy Plastic Industry Sdn Bhd Bukit Tengah
- Bengkel Kitar Semula di Unipipes, Perai

Disamping itu, kilang-kilang seperti Guppy Plastic Industry Sdn Bhd , Sony , Mondelez Malaysia Sdn Bhd juga mengambil inisiatif untuk menjalankan *zero waste* di kilang masing-masing. Saya berharap lebih banyak kilang lagi boleh mengambil langkah seperti mereka untuk terlibat dalam sisa sifar.

Dengan itu, ia akan mengurangkan pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan. Saya percaya semua yang berada di sini memang telah tahu akan apa barangan yang boleh dikitar semula dan apa yang tidak boleh. Tetapi kita sahaja yang tidak melaksanakan aktiviti kitar semula ini dengan bersungguh-sungguh.

Walaupun hanya beberapa kilang yang terlibat dalam sisa sifar, tetapi rata-rata kilang yang terdapat di kawasan Seberang Perai telah menjalankan kitar semula di kilang mereka. Sehingga Jun 2014, terdapat sebanyak 113 buah kilang yang terlibat dalam aktiviti kitar semula. Pemantauan kualiti air yang dihasilkan oleh kilang-kilang juga turut dilaksanakan. Terdapat 50 buah stesen yang diwujudkan dimana pemantauan akan diadakan setiap 4 bulan. Malangnya masih terdapat 17 buah kilang yang tidak mengikut kriteria yang ditetapkan dan perkara ini telah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan selanjutnya.

Tuan –tuan dan puan-puan,

Pengurusan sisa pepejal melibatkan kos. Pengusaha kilang perlu faham bahawa setiap sisa pepejal yang dijanakan akan dikenakan bayaran. Jika kita

menjana sisa pepejal dan menyebabkan pencemaran, kos untuk membersihkan pencemaran tersebut adalah amat tinggi. Persoalan di sini, adakah kita sanggup untuk membuat bayaran tambahan untuk membersihkan isu-isu pencemaran yang dihasilkan oleh kita sendiri? Oleh itu, kita perlu mengambil langkah pencegahan iaitu dengan menjalankan pengeluaran yang bersih dan hijau.

MPSP telah membuat pemasangan CCTV di beberapa lokasi yang dikenalpasti sebagai kawasan yang sering dijadikan tempat pembuangan sampah haram. Orang awam yang membuang sampah di lokasi-lokasi yang tidak dibenarkan akan dirakam oleh CCTV dan pesalah ini akan dikenakan kompaun. Sehingga April 2014, sebanyak 40 kompaun telah dikeluarkan. MPSP tidak akan berkompromi atau bertolak ansur mengenakan denda yang maksimum kepada pesalah laku yang membuang sampah secara haram. Saya juga berharap penduduk Seberang Perai atau pengusaha kilang yang hendak menjalankan pengubahsuaian atau perobohan, perlu memohon permit sisa binaan dengan bayaran RM 100.00. Permit ini adalah diperlukan untuk mencegah kontraktor binaan daripada membuang sisa binaan secara haram. Tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak membuat permohonan untuk menguruskan sisa binaan.

Program yang dianjurkan pada hari ini adalah sebagai permulaan kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam menunjukan ke arah perindustrian yang lestari dan hijau. Harapan saya juga adalah tuan-tuan dan puan-puan mendapat input dan pengalaman daripada penceramah kita bagaimana untuk menuju ke arah tersebut.

Dengan itu, saya sudahi ucapan pada petang ini dengan Wabillahi Taufik Wal
Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.